

LAWATAN KERJA RASMI KETUA PENGARAH DGTA, MAJLIS PENUTUP KURSUS GROUND HANDLING DAN FLIGHTLINE INSPECTION PESAWAT PC-7 MK 11

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5758-lawatan-kerja-rasmi-ketua-pengarah-dgta-majlis-penutup-kursus-ground-handling-dan-flightline-inspection-pesawat-pc-7-mk-11

ALOR SETAR, 27 Dis 19 – Bersempena dengan perlaksanaan Kursus Pesawat PC-7, Ketua Pengarah DGTA, Brig Jen Dato' Md Zaki bin Md Zain TUDM telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke Kolej Tentera Udara.

Ketibaan beliau telah disambut oleh Komandan KTU, Brig Jen Dato' Muhammad Tarminzi bin Hj Mustapha TUDM bersama Pegawai-pegawai Eksekutif Kolej.

Dalam rangka lawatan beliau, sesi taklimat telah diadakan di Bilik Mesyuarat ITAS yang turut dihadiri oleh Komandan serta pegawai-pegawai Memerintah Kolej. Dalam tempoh yang sama, beliau turut merasmikan Majlis Penutup Kursus ‘Practical Ground Handling’ dan ‘Flightline Inspection Pesawat PC-7 MK 11’ yang telah berlangsung dari 2 Dis hingga 26 Dis 19 melibatkan seramai 32 orang peserta.



